

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

AKU404 - Sistem Maklumat Pengurusan II

Tarikh: 14 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari

(3 Jam)

PILIH DAN JAWAB EMPAT SOALAN SAHAJA. KERTAS SOALAN INI
MENGANDUNGI LIMA SOALAN.

Soalan 1

Pangkalan data menyimpan rekod akaun pelanggan, fail-fail kakitangan dan perancangan produk. Maklumat ini adalah penting untuk menjamin pengekalan sesuatu perniagaan. Pihak pengurusan mesti memahami dan melibatkan diri dengan pengurusan pangkalan data dan tidak seharusnya menyerahkan tugas ini kepada kakitangan bahagian komputer semata-mata.

- (a) Terang serta tunjukkan contoh-contoh E.A.R. model.
- (b) Terang serta tunjukkan mana-mana dua model (struktur) pangkalan data.

(25 markah)

Soalan 2

Sistem pengurusan yang lengkap mengandungi, antara lain, susunan organisasi, struktur dan prosedur yang cukup dan lengkap untuk perancangan dan pengawalan dan penetapan objektif yang jelas. Sistem maklumat boleh dibentuk untuk menyediakan maklumat kepada pihak pengurusan mengikut bentuk laporan, tempat dan masa yang diperlukan untuk menjalankan tugas.

...2/-

Mengapakah maklumat diperlukan di dalam proses pengurusan seperti berikut: (berikan contoh-contoh maklumat di setiap peringkat proses pengurusan tersebut)

- (a) Mengenalpasti masalah dan peluang.
- (b) Mengtakrif masalah atau peluang dan membentuk tindakan-tindakan alternatif.
- (c) Pengambilan keputusan.
- (d) Implimentasi rancangan.
- (e) Kawalan prestasi.

(25 markah)

Soalan 3

KES: SYARIKAT KOMPUTER BARU

Satu kumpulan jurutera telah menubuhkan sebuah syarikat baru membekal pelbagai jenis perisian komputer mikro. Kesemua jurutera tersebut tidak mempunyai pengalaman dalam pengurusan perakaunan dan kewangan. Walau bagaimanapun, seorang penyimpan kira-kira dan seorang akauntan berkelulusan CPA telah diambil bekerja untuk mengurus akaun-akaun dan menyediakan khidmat nasihat kepada syarikat. Apabila syarikat komputer itu telah mulai maju, pihak pengurusan bercadang memasang sistem komputer untuk urusan penyimpanan kira-kira. Setelah dipersetujui, pihak pengurusan telah merangka keperluan sistem maklumat dan kemudiannya membentuk pelan sistem maklumat. Sistem maklumat ini akan menggunakan bungkusan perisian yang dikhaskan untuk mengendali simpanan kira-kira sahaja.

Soalan: Anda dikehendaki menganalisa syarikat komputer berdasarkan kepada pendekatan teori kontigensi dalam penentuan keperluan maklumat.

(25 markah)

...3/-

Soalan 4

Pemindahan maklumat dari satu lokasi ke satu lokasi lain adalah satu tugas yang memakan masa sekiranya pemindahan maklumat itu dibuat melalui komputer berpusat. Komunikasi data atau komunikasi maklumat adalah salah satu cara untuk mempercepatkan operasi merekod input dan output, menghantar data dan maklumat di antara satu komputer atau lokasi dengan komputer atau lokasi lain melalui telefon, satelit atau saluran-saluran komunikasi lain.

Hurai dan jelaskan perkara-perkara berikut:

- (a) Saluran-saluran penyebaran data seperti jenis-jenis saluran, kelajuan penghantaran data, alat-alat penghantaran data.
- (b) Kelengkapan komputer yang digunakan dalam komunikasi data.
- (c) Rangkaian-rangkaian pemprosesan.
- (d) Keselamatan dan kesilapan dalam sistem data komunikasi.

(25 markah)


Soalan 5

Gambarajah di muka sebelah menunjukkan litar perancangan dan pengawalan projek sistem maklumat.

Huraikan kelima-lima peringkat yang ada di dalam gambarajah litar tersebut. Juga tunjukkan contoh-contoh (gambarajah, model atau jadual) di dalam semua jawapan untuk memastikan yang anda memahami aktiviti atau prosedur yang dijalankan di setiap peringkat dalam perancangan dan pengawalan projek.

(lihat muka sebelah)

...4/-



(25 markah)

-ooo000ooo-